

10/07/2001

Dr Mahathir belum pilih calon Menteri Kewangan

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau belum tahu berapa lama akan menyandang jawatan Menteri Kewangan, portfolio yang diambilalihnya daripada Tun Daim Zainuddin sejak 1 Jun lalu.

Perdana Menteri menjelaskan, apa yang diperlukannya sekarang ialah sokongan dan khidmat yang sama diberikan pegawai serta kakitangan kementerian itu kepada beliau seperti mana khidmat diberikan kepada Menteri Kewangan yang lalu.

Beliau berkata demikian pada majlis perhimpunan bulanan Kementerian Kewangan di Kompleks Kerajaan Jalan Duta, di sini hari ini. Ia adalah kunjungan pertamanya sejak memegang jawatan itu bulan lalu.

Dr Mahathir pernah menyandang jawatan Menteri Kewangan selama kira-kira empat bulan apabila Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat daripada kerajaan dan parti pada September 1998, sebelum jawatan itu diserahkan kepada Daim pada Januari 1999.

Pada akhir ucapan di perhimpunan yang diadakan di kawasan lapang berhadapan Bangunan Khazanah Malaysia itu, Dr Mahathir antara lain berkata:

"Saya ucap terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan semua oleh kerana telah menjalankan tugas dengan begitu baik dan saya berharap semasa saya menjadi Menteri Kewangan ini, entah berapa lama, saya akan dapat sokongan dan khidmat yang sama."

Beliau tiba tepat pada jam 8 pagi dan disambut oleh dua Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh dan Datuk Chan Kong Choy; Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Samsudin Hitam dan Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Hashim Ismail serta ketua agensi di bawah kementerian itu.

Perdana Menteri bersama kira-kira 500 pegawai dan kakitangan kementerian itu kemudian menyanyikan lagu Negaraku dan Jalur Gemilang, sebelum pergi ke pejabat Menteri Kewangan di tingkat 15 untuk bermesyuarat.

Esok, beliau akan mula mempengerusikan sesi dialog pra-Belajawan selama tiga hari di Putrajaya dan dijangka turut membentangkan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat Oktober ini, seperti yang pernah dilakukannya pada Oktober 1998 ketika membentangkan Belanjawan 1999.

Dr Mahathir berkata, pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan perlu menguasai sebanyak mungkin ilmu dalam bidang kewangan dan pentadbiran kerana mereka akan bertugas tetap di situ bagi menentukan hala tuju kewangan negara walaupun berlaku pertukaran menteri.

"Sekarang kita berada dalam dunia yang amat mencabar. Kita tidak lagi boleh mengasingkan diri daripada perkembangan negara lain walaupun negara itu berada begitu jauh daripada kita.

"Peranan yang dimainkan pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan akan menentukan sama ada kita terus bebas atau tidak. Untuk menentukan kekuatan kita, sudah tentu kewangan negara memainkan peranan yang amat penting.

"Jika kita tidak cekap dalam mentadbir wang negara kita, mengumpul dan membelanjakannya secara bijak, maka kita akan terdedah kepada keperluan untuk meminta-minta daripada pihak-pihak yang ingin menguasai kita," katanya.

Dr Mahathir berkata, tugas kementerian itu begitu penting sekali kerana menyediakan belanjawan tahunan negara selain rancangan pembangunan yang lain seperti Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) dan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3).

"Saya percaya semua pegawai dan kakitangan kementerian ini bersiap sedia dan terus meningkatkan ilmu pengetahuan dalam bidang ini. Dengan cara kita meningkatkan keupayaan itu, kita harap kita dapat terus mengekalkan kebebasan negara kita," katanya.

(END)